

PELITA BRUNEI

1, Bilangan 6.

1 May, 1956

	Muka
Uchapan Selamat Hari Raya I'dil Fitri dari DYMM Sultan	1
Uchapan Selamat Hari Raya dari Yang Berhormat British Resident	1
Uchapan Selamat Hari Raya dari PELITA BRUNEI dan Anggota2) Pejabat Penerangan Negeri Brunei)	1
Sembahyang Hari Raya di Padang Pekan Brunei.....	2
Orang2 Keluar Masok dalam Negeri Brunei	2
Pesuroh Jaya Tinggi melawat Brunei	3
Pegawai Penerangan Negeri Brunei melawat Kuching	3
Pegawai2 Kerajaan Brunei berangkat ka England	3
Pelawat ka Istana pada Hari Raya	4
Penderma2 Darah dikahendakki di Bandar Brunei	4
Tengku Maimun Habsjah	4
Anggota2 Kerajaan Brunei dan Party Ra'ayat	5
Kenyataan Pejabat Police	5
Pengurniaan Majlis Mashuarat Negeri Brunei	5
Iantekan Baharu Pegawai2 Kerajaan Negeri Brunei	6
Persidangan Kerajaan Tempatan Negeri Sarawak	6
Pension untok orang2 sakit kusta dari Brunei	7
Kerajaan Brunei menderma \$ 3,000 kapada Pertubohan Pengakap	7
Ranchangan Perkekbangan Getah	7
Wang2 Kertas dan Perak	8
Ranchangan Tali Ayer Mulaut	9
Batu Pasir di Sipitang	9
Waktu mengirim surat pada kelepasan Hari Raya	10
Undang2 Baharu Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Brunei	11
Pertunjukan Wayang Gambar Pejabat Penerangan	12
Pertandingan Sukan "Tiga Serangkai"	12

Mudah-mudahan selamat bersuka ria

dalam persembahan kegembiraan pada

hari yang berbahagia ini.

SELAMAT HARI RAYA I'DIL FITRI

(6)

PELITA



BRUNEI

Tahun 1. No. 6.

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

1 May, 1956.

HARI RAYA I'DIL FITRI JATOH PADA HARI SABTU 12 MAY 1956

UCHAPAN SELAMAT HARI RAYA I'DIL FITRI DARI DYMM SULTAN

" Allahu-Akbar ! Dengan menguchap shukor Alhamdulillah atas Ilhamnya yang telah memberi nikmat kepada kita Umat Islam, sasudah menahan dan memerangi hawa--nafsu, dahaga dan lapar, dengan terbitnya fajar saharibulan Shawal bergemurohlah takbir memuja Allah Ta'ala tanda kita shukor dan menerima kedatangan hari gembira "I'dil Fitri".

Dengan sempana hari mulia, dimasa seluroh Umat Islam sedang riang keshukoran ini, Saya menguchapkan "Selamat Berhari Raya, samoga bahagia sentosa" pada sakalian ra'ayat di Negeri ini, mudah2an Allah Ta'ala akan memberi sapenoh keriang dan kebahagiaan, dan mudah2an selamat menempoh kehidupan baru dengan semangat yang penoh beriman. OMAR ALI SAIFUDDIN, SULTAN BRUNEI ".

UCHAPAN SELAMAT HARI RAYA DARI
YANG BERHORMAT BRITISH RESIDENT

" Saya suka mengambil peluang menguchapkan SELAMAT HARI RAYA I'DIL FITRI kepada semua kaum Muslimin dalam Negeri Brunei. Mudah2an semua akan bersuka ria menyambut hari yang mulia ini serta akan mendapat razki yang lebeh2 lagi ditahun yang kahadapan.

Biarlah kita bersama2 berdo'a mudah2an Brunei akan sentiasa aman dan damai serta bertambah2 ma'mor dibawah pimpinan Duli Yang Maha Mulia Maulana Yang Di Pertuan Sir Omar Ali Saifuddin Wasa'dul Khairi Wad-din, D.K., S.P.M.B., K.C.M.G.

J.O.GILBERT " .

SELAMAT BERHARI RAYA

PELITA BRUNEI serta Anggota2
Pejabat Penerangan Negeri Brunei
menguchapkan SELAMAT HARI RAYA
I'DIL FITRI kepada Umat Islam
saumomnya.

Mudah2an selamat bersuka ria
dengan penoh kegembiraan pada
hari yang berbahagia ini .

SEMBAHYANG HARI RAYA DI PADANG PEKAN BRUNEI

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN AKAN SEMBAHYANG BERSAMA

Kaum Islam, terutama sekali yang tinggal di Bandar Brunei akan menyempurnakan Sembahyang Hari Raya Puasa pada tahun ini di Padang Pekan Brunei pada pagi hari Sabtu 12 May, 1956, dengan syarat jika tidak hujan pada malam 11 May atau pun Padang itu basah dan tidak dapat digunakan.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin akan berangkat ka Padang dan sembahyang bersama dan juga DYMM sendiri akan membacha Khotbah.

Takbir akan dimulai dari pukul 4.30 pagi dan sembahyang akan tamat kira2 pada pukul 10 pagi.

Setiap kaum Islam yang akan berserta sembahyang pada hari itu ditempat tersebut adalah dinasehatkan supaya membawa alas sembahyang masing2.

Juga diingatkan jika Padang itu basah dan tidak dapat digunakan, maka tempat2 sembahyang Hari Raya adalah ditempat biasa, iaitu di Masjid dan di Istana Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

ORANG2 KELUAR MASOK DALAM NEGERI BRUNEI

Pejabat Keluar Masok ("Immigration") Negeri Brunei memalumkan bahawa selama tiga bulan yang lalu, iaitu bulan2 January, February dan March tahun ini sajumlah 9,005 orang dari berbagai2 bangsa telah masok ka Negeri ini dan 8,518 orang telah berangkat keluar negeri.

Dari bilangan tersebut, 6,461 lelaki dan 2,544 perempuan telah masok ka Negeri ini, menekala orang yang telah berangkat keluar negeri berjumlah sebanyak 6,148 lelaki dan 2,370 perempuan.

Diantara bangsa2 yang banyak sekali keluar masok dalam Negeri ini ialah China (termasuk China raya British dan raya negeri2 asing) yang berjumlah sebanyak 4,660 orang masok ka Brunei dan 4,435 orang berangkat keluar negeri.

Sebanyak 2,166 orang2 Melayu telah masok ka Brunei dan 2,140 orang berangkat keluar negeri dalam masa tiga bulan tersebut.

Lain2 pelawat2 yang keluar masok dalam Negeri ini pada masa tiga bulan tersebut adalah seperti berikut :-

British (Dumiputera) - 455 orang masok dan 403 orang keluar; British (Dayak) - 447 orang masok dan 489 orang keluar; British (Dukan Dumiputera) - 224 orang masok dan 188 orang keluar; German - 7 orang masok dan 26 orang keluar; Belanda - 132 orang masok dan 115 orang keluar; Peranchis - 6 orang masok dan 6 orang keluar; Indian dan Pakistan - 482 orang masok dan 385 orang keluar; Indonesia - 41 orang masok dan 24 orang keluar; Swiss - 7 orang masok dan 4 orang keluar dan lain2 bangsa 362 orang masok dan 293 orang keluar.

PESUROH JAYA TINGGI MELAWAT BRUNEI

Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Brunei, Sir Anthony Abell telah tiba di Brunei dari Kuching, Sarawak pada hari Juma'at 20 April dalam lawatan beliau sechara rasmi.

Tuan Yang Terutama itu telah ditemui di Padang Terbang Berakas pada petang hari itu oleh Wakil dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Peman-cha; British Resident, Brunei Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert; Pesuroh Jaya Perkembangan, Mr. E.R. Bevington; Setia Usaha Sulit kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar; Pemangku Penyimpan Wang Negeri, Mr. R.H. Morris dan Chief Police Officer Brunei, Mr. A.M. Outram.

Sir Anthony Abell telah tinggal di Brunei sahingga hari Thalatha 24 April dan kemudiannya telah balek ka Kuching.

PEGAWAI PENERANGAN NEGERI BRUNEI MELAWAT KUCHING

Inche' Suhaimi bin Haji Amin, Pegawai Penerangan Negeri Brunei telah berangkat ka Kuching, Sarawak pada pagi hari Ithnin 16 April, 1956 dengan kapal terbang dari Padang Terbang Berakas melalui Labuan kerana menghadiri Persidangan Pegawai2 Penerangan Daerah2 Borneo British, iaitu Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Tujuan2 besar diadakan Persidangan itu ialah untok memperoleh perhubungan yang rapat diantara ketiga2 Negeri itu mengenai hal ehwal penerangan yang dijalankan oleh Pejabat2 Penerangan dari ketiga2 negeri itu.

Inilah kali yang kedua diadakan Persidangan sechara tersebut, menekala pada kali yang pertama Persidangan itu telah diadakan di Jesselton, Borneo Utara pada bulan August, 1955.

Selain dari Pegawai2 Penerangan dari Brunei, Sarawak dan Borneo Utara, pada julong2 kali Setia Usaha Yang Pertama (Bahagian Penerangan) di Ibu Pejabat Kedutaan British di Jakarta, Mr. Guy Micklethwait, yang telah dijemput oleh Kerajaan Sarawak telah juga hadir bersama2.

Inche' Suhaimi telah berada di Kuching selama 4 hari. Dalam masa itu, selain daripada menghadiri Persidangan tersebut, beliau juga telah melawat kabeberapa tempat yang mustahak dan juga mengadakan pertemuan2 dengan Pegawai2 Kerajaan di Sarawak.

PEGAWAI2 KERAJAAN BRUNEI BERANGKAT KA ENGLAND

Inche' Abbas bin Haji Ibrahim, Juru Iring kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan Inche' Ajmain bin Abdul Razak, Pemulong Pegawai Penempatan Negeri Brunei, telah berangkat ka Labuan dengan kapal Kerajaan pada pukul 5 pagi hari Khamis 26 April, 1956 dan dari sana telah berangkat dengan

kapal terbang ka ...

4
kapal terbang ka Singapura dalam perjalanan mereka ka Engla .

Kedua2 Pegawai Kerajaan itu adalah dari Perkhidmatan Pertadbiran Brunei dan telah dihantarkan oleh Kerajaan Brunei ka England dimana mereka akan mempelajari Kursus Pertadbiran selama enam bulan.

PELAWAT2 KA ISTANA PADA HARI RAYA

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin dengan sukachita pinta kapada orang ramai yang hendak mengadap Baginda pada Hari Raya Puasa yang pertama di Istana Darul Hana supaya tidak pergi mengadap Baginda pada hari itu kerana Baginda ada lain urusan.

Barang siapa yang suka hendak mengadap Baginda di Istana Darul Hana adalah dijemput pada Hari Raya yang kedua atau ketiga.

X P E N D E R M A 2 D A R A H

DIKAHENDAKKI DI BANDAR BRUNEI

Penderma2 darah adalah sangat2 dikahendakki dengan segera untok memberi darah mereka kapada orang2 sakit di Rumah Sakit Kerajaan di Bandar Brunei.

Menurut satu kenyataan dari Pemangku Pegawai Perubatan Negeri Brunei, Rumah Sakit di Bandar Brunei ini telah berna-sib baik sahingga kamasa ini mendapat derma darah dari Ahli2 Persekutuan Palang Merah dan juga Anggota2 dari Pasokan Police, tetapi orang2 yang telah memberi darah mereka telah menjalankan kewajipan masing2 dan pihak Rumah Sakit itu tidaklah dapat hendak meminta orang2 yang berkenaan itu menderma darah mereka lagi untok beberapa bulan yang akan datang.

Beliau itu menyatakan lagi bahawa perkara menderma darah tidaklah merbahya, dan hanya orang2 dewasa yang mempunyai tuboh badan yang sehat sahaja dibenarkan menderma darah mereka.

Kesemua penderma2 darah adalah dipereksa terlebih dahulu sabelum diambil darah mereka dan kesemua orang yang pergi ka Rumah Sakit untok menjalankan perkara yang berkebajikan itu, jikalau didapati tuboh badan mereka sehat, baharulah nama2 mereka akan dimasukkan didaftar Penderma2 Darah yang disimpan oleh Chief Laboratory Technician, Brunei.

Pemangku Pegawai Perubatan Negeri ini berseru kapada orang2 ramai supaya tampil kehadapan dan menolong Pejabat Perubatan untok MENYELAMATKAN JIWA MANUSIA, kerana inilah sebabnya yang DARAH SANGAT2 DIKAHENDAKKI .

TENGKU MAIMUN HABSJAH

Kerajaan Brunei dengan sukachitanya telah mengaku Tengku

Maimun Habsjah...

Maimun Habsjah sebagai Konsul-General Kerajaan Indonesia yang baharu di Singapura dengan mempunyai ta'lok kuasanya di Brunei.

ANGGOTA2 KERAJAAN BRUNEI DAN PARTY POLITIK

Saorang penulis dalam Majallah Hiboran, Singapura bilangan 452, bertarikh 14 April, 1956 telah menyatakan bahawa PELITA BRUNEI telah menyiarkan dalam keluaran yang pertama iaitu diantaranya, "...Orang Kerajaan dilarang masuk dalam Party ini (ia maksudkan Party Ra'ayat)...".

Perkataan bahawa PELITA BRUNEI telah menyiarkan iaitu Anggota2 Kerajaan Negeri ini dilarang masuk menjadi ahli Party Ra'ayat adalah tidak benar.

Berita yang sabenarnya ialah dalam siaran PELITA BRUNEI bilangan yang pertama, bertarikh 15 February, 1956 dimuka 5 dibawah mauthu', " Pendaftaran Party Ra'ayat Chawangan Brunei " kita telah menyiarkan satu kenyataan Kerajaan, "...mengikut Undang2 Negeri Brunei, saorang Pegawai Kerajaan Negeri ini dilarang menjadi Ahli Jawatan Kuasa sebarang Pertubohan Politik atau memegang jawatan pertadbirannya, atau menjalankan dengan terang atau sebalaknya sebagai saorang Wakil Politik pertubohan itu atau kerana sebarang ahlinya ".

Maka dengan hal tersebut, dapatlah orang ramai, khasnya ra'ayat jelata Negeri Brunei ketahui bahawa :-

Kerajaan Negeri Brunei tidaklah menegah sasaorang Pegawai Kerajaan Negeri ini daripada menjadi ahli Party Politik, sebalaknya, sasaorang Pegawai Kerajaan Negeri ini adalah dilarang daripada mengambil bahagian yang penting dan chergas atau memegang jawatan dalam mana2 Jawatan Kuasanya.

× KENYATAAN PEJABAT POLICE

Pejabat Police, Brunei telah mengeluarkan kenyataan bahawa telah didapati baharu2 ini beberapa banyak kenderaan2 dichuchi dan diperbaiki ditepi2 jalan raya.

Pejabat itu suka menerangkan bahawa orang ramai adalah ditegahkan melakukan perkara yang sademikian kechuali pada masa kechemasan.

× PENGURNIAAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI BRUNEI

Majlis Mashuarat Negeri Brunei, dalam Persidangannya yang telah dilansongkan pada 17 April, 1956 telah bersetuju mengurniakan hadiah wang kapada dua orang Anggota2 Kerajaan, iaitu Penghulu Berandai dan Mata2 Tambi Anak Giang.

× LANTEKAN BAHARU PEGAWAI2 KERAJAAN NEGERI BRUNEI

Inche' Abdul Ghani bin Hassan, Penguasa Pejabat Custom, Kuala Belait telah dilantek memangku jawatan Pegawai Daerah, Seria mulai dari 16 April, 1956 menggantikan Inche' Sunny bin Ahmat yang telah ditukarkan ka Pejabat Kerajaan Bandar Brunei.

Selain daripada memegang jawatan tersebut, dengan persetujuan dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dalam Majlis Mashuarat Negeri, Inche' Abdul Ghani telah dilantek menjadi Hakim Klas Dua mulai dari tarikh tersebut juga.

Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Pemancha Mohamed Salleh telah berhenti dari menjadi Pegawai Daerah, Temburong dan telah mulai berchuti samentak 3 April, 1956.

Jawatan Pegawai Daerah, Temburong yang kosong itu telah dipenohi oleh Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Mohamed Yassin, bekas Penulong Pegawai Daerah, Brunei.

Pengiran Zainal Abidin bin Pengiran Piut dari Pejabat Municipal, Bandar Brunei dan Mr. R.E. Marshall dari Pejabat Municipal, Kuala Belait telah dilantek menjadi Pemereksa2 Kenderaan2 bagi kedua2 daerah ini baharu2 ini.

Dr. M.T. Read, Ketua Pegawai Perubatan Negeri Kelantan, Persekutuan Tanah Melayu telah dilantek menjadi Pegawai Perubatan Negeri Brunei menggantikan Dr. E.C. Vardy.

Dr. Read telah tiba di Brunei pada 26 April, 1956 dan telah berada di Brunei hingga hari Ithnin 30 April. Beliau telah berangkat balek ka Kelantan dan akan menjawat jawatannya yang baharu itu pada penghujung bulan ini.

Dalam masa yang singkat Dr. Read berada di Brunei, beliau telah mengadakan perundingan2 bersama2 dengan Wakil2 dari Sharikat Minyak, British Malayan Petroleum Company Limited, Seria dan dengan lain2 pihak yang berkenaan dengan Rumah Sakit Penaga termasuk Perangka2 Bangunan ("Architects") Rumah Sakit itu. (Rumah Sakit Penaga itu akan dibinakan oleh Kerajaan Brunei di Kawasan Penaga, iaitu diantara Kuala Belait dan Seria dan akan ditadbirkan oleh Sharikat Minyak tersebut sahingga ka satu masa yang lain kelak Kerajaan Brunei dapat mengadakan Anggota2 Kerajaan sendiri dan mentadbirkan Rumah Sakit itu pula).

PERSIDANGAN KERAJAAN TEMPATAN NEGERI SARAWAK

Mr. D.L. Bruen, Penulong Resident, Brunei dan Mr. Patrick McAfee, dari Pejabat Establishment, Bandar Brunei telah balek ka Brunei dari Sarawak pada hari Thalatha 17 April, 1956 setelah menghadziri Persidangan Kerajaan Tempatan Negeri Sarawak.

Persidangan itu telah dibuka dengan rasminya oleh Tuan Yang Terutama Governor Sarawak, Sir Anthony Abell pada 13 April dan telah dilansongkan selama dua hari, iaitu pada hari itu dan pada 14 April.

Dalam masa perjalanan balek ka Brunei, Pegawai2 Kerajaan Brunei itu telah singgah di Sibu, Sarawak dan telah tinggal di sana selama dua hari. Semasa berada di Sibu, Pegawai2 itu telah melawat kabeberapa tempat2 yang mustahak dan juga menyaksikan chara2 perjalanan Lembaga Pertadbiran Luar Bandar Sibu.

PENSION UNTUK ORANG2 SAKIT KUSTA DARI BRUNEI

Satu Ranchangan Pension yang baharu untuk orang2 yang telah mendapat penyakit kusta yang telah dikeluarkan dari Rumah Sakit akan mulai berjalan kuat kuasanya pada 1-6-1956.

Pada masa sekarang ini, keluarga2 orang2 yang mengidap penyakit kusta yang masih berubat adalah diberi pension sebanyak 20 untuk tiap2 orang dewasa dan 10 untuk tiap2 kanak2 yang berumur dibawah 15 tahun.

Pension yang diberikan itu diberhentikan selepas orang yang mengidap penyakit kusta itu telah sembuh dan keluar dari Rumah Sakit.

Satelah Ranchangan Pension yang baharu ini berjalan kuat kuasanya, pension yang sedang diberi kepada keluarga2 orang yang mengidap penyakit kusta itu, mengikut Ranchangan Pension sekarang, tidaklah akan diberi lagi.

Menurut Ranchangan Pension yang baharu, tiap2 orang yang telah mengidap penyakit kusta yang telah keluar dari Rumah Sakit akan diberi pension sebanyak 20 pada tiap2 bulan selama enam bulan dan selepas itu, pemberian itu akan dilanjutkan dengan sapenohnya atau sebahagian daripadanya jika difikirkan mustahak untuk masa tidak lebeh daripada enam bulan sesudah dari tempoh yang permulaan.

Tiga orang dari Brunei yang mengidap penyakit kusta sedang diubati di Tempat Perubatan Penyakit Kusta di Kuching, Sarawak. Dua orang daripadanya dari Kuala Belait dan seorang lagi dari Tutong.

× KERAJAAN BRUNEI MENDERMA \$ 3,000

KAPADA PERTUBOHAN PENGAKAP

Kerajaan Brunei telah bersetuju mengeluarkan hadiah sebanyak 3,000 kepada Tabong Pengakap Negeri Brunei untuk menghantarkan seramai 6 orang Pengakap2 dari Brunei ke England kerana menghadziri sambutan Hari Jadi Yang ka-100, Pengasas Pengakap2 Sa Dunia, mendiang Lord Baden-Powell dan upacara Sambutan Hari Ulang Tahun Yang ka-50 tertubohnya Pergerakan Pengakap Sa Dunia yang akan dilansongkan di Sutton, Warwickshire, England dari 1 August hingga 12 August, 1957.

Adalah difahamkan bahawa Lembaga Pengakap2 Negeri Brunei sedang menyusunkan berbagai2 ranchangan untuk memungut wang derma bagi menghantarkan Wakil2 Pengakap2 Negeri ini menghadziri temasha2 tersebut.

◀ RANCHANGAN PERKEMBANGAN GETAH

Ranchangan Perkembangan Getah Negeri Brunei telah diluluskan oleh Majlis Mashuarat Negeri ini dalam Persidangannya

sedikit hari dahulu...

sedikit hari dahulu dan telah berjalan kuat kuasanya mulai 1 haribulan April tahun ini.

Dibawah Ranchangan itu, Kerajaan Brunei akan memberi bantuan2 wang dan barang2 kepada pekebun2 kechil untuk menanam getah semula dan menanam getah baharu, dengan bertujuan untuk mengembangkan perusahaan getah Negeri ini.

Pejabat Pertanian Negeri telah menerima 6 permintaan2 untuk menanam getah baharu dari pekebun2 kechil seluruh Brunei pada bulan March yang lalu dan sebanyak 2,580 batang2 pohon getah telah diberikan kepada pekebun2 kechil itu.

Sahingga hari ini, Pegawai Pertanian Negeri telah menerima hanya sedikit sahaja permintaan untuk menanam getah semula dari pekebun2 kechil seluruh Brunei.

Pada masa sekarang, Pejabat Pertanian Negeri sedang menyimpan beberapa banyak pohon2 getah yang kechil dari jenis yang baik yang boleh ditanam dengan segera.

Oleh itu, orang ramai adalah dipinta supaya janganlah lepaskan peluang yang berharga ini dan buatlah permintaan kepada Pejabat Pertanian bagi menambahkan perusahaan getah mereka.

Sungguh pun pada masa ini adalah sangat kesukaran bagi mendapat buruh bagi menanam getah baharu atau menanam getah semula, tetapi orang2 yang bijak yang menjalankan perusahaan itu akan mendapati bahawa pada masa beberapa tahun yang akan datang mereka akan berjaya mengeluarkan getah yang lebeh banyak untuk dijual.

Pada masa sekarang, meskipun pekerjaan senang didapati dibawah Ranchangan Perkembangan Negeri ini atau pun di Padang2 Minyak dalam Negeri ini, tetapi adalah sangat mustahak bagi orang2 yang mempunyai tanah menjalankan perusahaan getah.

Kebanyakan dari pohon2 getah dalam Negeri Brunei adalah chukup tua dan pohon2 itu tidak dapat mengeluarkan getah yang banyak.

Oleh kerana hal sademikian, sudahlah tiba masanya bagi orang2 yang mempunyai pohon2 getah yang sudah tua itu menebangkan pohon2 getah itu dan menanam semula, sebab apabila Ranchangan Perkembangan Getah Negeri ini ditamatkan, dan dalam keadaan payah mencari pekerjaan2, hasil2 yang tertentu dapat diperolehi daripada perusahaan getah.

Dengan sebabnya pohon2 getah yang kechil dari jenis yang chukup baik dapat diperolehi dari Pejabat Pertanian Negeri ini, wajiblah pekebun2 kechil membuat permintaan kepada Pejabat Pertanian Negeri ini menggunakan peluang yang berharga ini, kerana pada masa akan datang tiap2 orang yang mempunyai tanah menanam getah itu akan dapat hasil dua kali ganda daripada hasil yang biasa diperolehi dari kebun getahnya yang sekarang ini.

× WANG2 KERTAS DAN PERAK

Penyata wang2 kertas dan perak yang telah dikeluarkan oleh Pesuruh Jaya Ke'wangan, Malaya dan Borneo British pada 1 haribulan April, 1956 adalah seperti berikut :-

Jumlah penoh wang kertas ialah sebanyak \$ 930,047,879.93 dan jumlah penoh wang perak ialah \$ 37,809,610.33.

RANCHANGAN TALI AYER MULAUT

Satu ranchangan untok mengadakan parit dan tali ayer dikawasan2 bendang yang besar di Lumapas dan di Mulaut telah pun disediakan dan akan dikemukakan kepada Jawatan Kuasa Perkembangan untok dipereksa.

Ranchangan itu yang akan dijalankan dengan sechara besar2an akan berkahendakkan anggota2 yang chukup mahir bagi mengelolaknya dan so'al mengenai anggota2 itu adalah satu perkara yang penting yang akan dihalusi dengan sabberapa boleh oleh pehak yang berkenaan.

Jurutera2 yang telah digajikan oleh Kerajaan untok menjalankan penyiasatan2 yang mustahak, telah memberitakan bahawa lebeh kurang 8,800 ekar tanah di Mulaut adalah sesuai bagi berchuchok tanam dan bagi mengadakan tali ayer dan perkembangan dan bagitu juga lebeh kurang 2,100 ekar tanah di Lumapas.

Dalam kedua2 perkara ini, Kerajaan Brunei akan dika-hendakki membuat perjanjian dengan Kerajaan Sarawak untok mendapatkan ayer dari Sungai Limbang.

Ranchangan Mulaut itu ditaksirkan akan menggunakan perbelanjaan sebanyak \$ 4,688,000 untok membuat terusan ayer, parit2, jalan2, jambatan2, pembahgian2 ayer dan rumah2 kediaman pekerja2.

Ranchangan Lumapas itu pula akan memakan belanja sebanyak \$ 512,000 untok mengadakan parit dan tali ayer sahaja; menekala perbelanjaan untok lain2 perkara belumlah lagi dapat ditaksirkan.

Tujuan mengadakan ranchangan ini ialah untok menyediakan tanah untok peladang2, menyediakan ayer untok masa menanam padi dan pada masa padi itu sedang tumbuh dan juga bagi mengadakan parit yang baik pada masa musim mengetam padi.

Kerajaan Brunei berharap bahawa dengan adanya ranchangan yang tersebut serta ranchangan menanam dan mengetam padi dengan menggunakan jentera, maka peladang2 akan dapat memperolehi hasil2 yang lebeh besar lagi daripada masa2 yang lalu.

BATU PASIR DI SIPITANG

Tiga orang Pegawai Kerajaan Negeri Brunei, iaitu Jurutera Negeri ("State Engineer"), Mr. G.T. Miles; Pesuruh Jaya Perkembangan, Mr. E.R. Bevington; dan Ketua Jurutera Jalan2 Raya, Mr. G.J. Cliff telah melawat Sipitang dikawasan Borneo Utara tidak berapa lama dahulu untok memereksa batu2 pasir di tempat itu untok ranchangan menggunakannya, jikalau boleh, bagi membina jalan2 raya dan untok lain2 pembinaan2 dalam Brunei.

Terlebeh dahulu, Kerajaan Brunei telah diberi nasehat oleh Pengarah Hal Ehwal Ilmu Bumi bagi Kawasan2 Borneo British, Dr. F.W. Roe bahawa beberapa banyak batu2 pasir dari jenis yang baik dapat diperolehi di Sipitang, dalam kawasan Telok Brunei, di Borneo Utara.

Salepas menerima nasehat itu, Kerajaan Brunei telah

membuat perhubungan dengan ...

membuat perhubungan dengan Kerajaan Borneo Utara untuk memeriksa batu2 pasir dikawasan tersebut, dan permintaan itu ialah dibenarkan.

Pegawai2 Kerajaan Brunei tersebut telah mendapati dalam lawatan mereka ka Sipitang bahawa sebanyak 33,000,000 persegi ela batu2 pasir sejauh $3\frac{1}{2}$ batu dapat diperolehi, tetapi jenisnya itu adalah kurang baik.

Bagaimana pun, Pegawai2 Kerajaan itu telah membawa balik chontoh2 batu2 pasir dari Sipitang untuk dijalankan peperiksaan2 dan sebagainya bagi membinakan jalan2 raya yang baik.

Dalam penyiasatan Pegawai2 tersebut, didapati keadaan pelabohan di Sipitang adalah kurang baik dan sakiranya batu2 pasir dari sana hendak dibawa ka Brunei dengan kapal, tambahan kapal yang panjang hendaklah dibina supaya dapatlah kapal2, sama ada kapal2 besar atau kecil, rapat ditambatan itu. Kawasan itu ialah 45 batu dari Bandar Brunei dan 90 batu dari Seria.

Tambahan pula, tidaklah ada sebarang sharikat pun yang sedang bekerja memecah batu2 pasir dikawasan tersebut dan pihak Kerajaan Brunei pun tidaklah mengetahui jikalau batu2 pasir itu dapat dilombong.

Jikalau peperiksaan2 chontoh2 batu2 pasir yang telah dibawa ka Brunei menunjukkan hasil yang baik, Pesuruh Jaya Perkembangan Negeri ini perchaya bahawa pembahagian batu2 dari Sipitang itu dapat digunakan bagi Brunei sahaja selama 100 tahun.

Jurutera Negeri ini menyatakan bahawa rombongannya itu telah mendapat sambutan yang baik dari Penulong Pegawai Daerah Sipitang yang telah berusaha memberi pertolongan kepada rombongannya dengan menyediakan kenderaan dan orang2 yang menunjukkan jalan.

× WAKTU MENGIRIM SURAT PADA KELEPASAN HARI RAYA

Penguasa Pejabat Post Negeri Brunei memalumkan untuk pengetahuan orang ramai bahawa Pejabat Post di Bandar Brunei akan dibuka pada kelepasan Hari Raya Puasa pada hari Sabtu 12 May diantara pukul 10 pagi dan 12 tengah hari dan pada hari Ithnin 14 May diantara pukul 2 petang dan 4 petang.

Pejabat Post di Seria akan dibuka pada hari Sabtu 12 May diantara pukul 9 pagi dan 10 pagi dan pada hari Ithnin 14 May diantara pukul 9 pagi dan 11 pagi.

Pejabat Post di Kuala Belait akan dibuka pada hari Sabtu 12 May diantara pukul 11 pagi dan 12 tengah hari dan pada hari Ithnin 14 May diantara pukul 3 petang dan 4 petang.

Surat2 post keluar negeri melalui udara pada hari Sabtu 12 May akan diterima oleh Pejabat2 Post di Brunei dan Kuala Belait hingga pukul 12 tengah hari, dan oleh Pejabat Post di Seria hingga pukul 10 pagi.

Pada hari Ithnin 14 May surat2 post keluar negeri melalui udara akan diterima oleh Pejabat Post di Bandar Brunei dan di Kuala Belait hingga pukul 4 petang dan di Seria hingga pukul 11 pagi.

UNDANG2 BAHARU MAJLIS UGAMA DAN 'ADAT ISTIADAT BRUNEI

(Sambongan dari PELITA BRUNEI No.5)

Undang2 baharu Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri Brunei yang telah berkuat kuasa mulai awal bulan February, 1956 telah kita siarkan mulai keluaran PELITA BRUNEI bilangan yang kedua dan seterusnya pada bilangan2 yang ketiga, keempat dan kelima.

Undang2 yang baharu itu didasarkan kepada sebuah Undang2 Ugama yang sedang berjalan kuat kuasanya dis sebuah negeri di Persekutuan Tanah Melayu, dalam mana berbagai2 perkara telah diubahkan oleh Pehak Yang Berkuasa Negeri ini supaya Undang2 yang baharu itu bersesuaian dengan keadaan dalam Negeri Brunei dan dipersetujukan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dalam Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

Samenjak keluaran bilangan yang kedua, kita telah menyiarkan perkara2 berhubung dengan Sembahyang Juma'at; Minum minuman yang memabokan; Makan, minum dan sebagainya dalam bulan Puasa pada siang hari; Zakat dan Fitrah; Ajaran Ugama; Perkara mengenai membangun Masjid; Kegunaan ayat2 Koran di Sandiwara; Mengeji Penguasa2 Ugama; Lantekan Mufti; Fetua2; Jawatan Kuasa Kehakiman; Jawatan Kathi Besar bagi Negeri Brunei; Mahkamah Kathi Besar; Permohonan mengulang bichara; Pengesah Wasiat; Bahasa yang digunakan didalam Mahkamah2 Kathi dan lain2 perkara.

Dibawah ini kita siarkan lagi sambongan berhubung dengan Undang2 Ugama yang tersebut :-

Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri Brunei hendaklah menjadi Penguasa yang tunggal bagi kesemua Masjid2 didalam Negeri ini.

Tidaklah boleh sebarang orang mendirikan sebuah masjid, atau dengan lain2 jalan menggunakan sebuah masjid jika tidak mendapat kebenaran yang bertulis dari Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri Brunei.

Kebenaran mendirikan masjid tidaklah akan diberikan kecuali tempat mendirikan masjid yang dihadangkan itu telah diwakafkan.

Adalah kewajiban Majlis Ugama itu untuk memperbaiki masjid2 diseluruh Negeri ini dari satu masa kasatu masa yang lain kelak. Majlis Ugama itu adalah diberi kuasa mengadakan derma2 yang khas bagi memperbaiki masjid2 itu atau boleh membayar belanja yang dikahendakki itu daripada Wang Pentadbiran 'Am.

Jikalau ada sebarang tempat dalam masjid yang hendak diperbaiki, adalah kewajiban bagi Imam Masjid itu memberi tahu kepada Majlis Ugama tersebut berkenaan dengan perkara itu dan juga hendaklah Imam itu menjadi Wakil Majlis Ugama untuk mengelola memperbaiki masjid itu.

Sebarang perkakas dalam masjid itu tidaklah boleh dipindah kelain tempat jika tidak mendapat kebenaran yang bertulis daripada Majlis Ugama itu.

Hendaklah Majlis Ugama itu mempunyai kuasa pada bila2 masa untuk menetapkan sempadan2 bagi mana2 Mukim Masjid dan kuasa untuk memindah atau mengubahkan sempadan2 itu. Sebarang perbalahan berthalit dengan sempadan2 sebuah Mukim Masjid hendaklah diberi tahu kepada Jawatan Kuasa Pengadilan bagi mendapat pertimbangannya.

(B E R S A M B O N G)

PERTUNJOKAN WAYANG GAMBAR PEJABAT PENERANGAN BRUNEI

Pertunjukan wayang gambar Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei yang telah dijadualkan hendak diadakan ditempat2 dan pada tarikh yang dibawah ini tidaklah dapat diadakan oleh kerana alat penayangan gambar kita telah rosak.

Tempat2 tersebut ialah Kampong Pekan Lama pada malam 16 April; Kampong Ujong Bukit pada malam 17 April; Kampong Berakas (Mudim Haji Adnan) pada malam 18 April; Kampong Bunut pada malam 23 April dan Kampong Berakas (Che' Hanafiah) pada malam 24 April.

Pertunjukan wayang gambar Pejabat Penerangan pada bulan May ini adalah saperti berikut :-

DAERAH BRUNEI : 5 May, Dewan Pejabat Penerangan, Bandar Brunei; 7 May, dibelakang Pejabat2 Kerajaan, Bandar Brunei; 17 May, Kampong Tamoi Ujong (Rumah Awang Ache bin Dato Imam Haji Mokti); 19 May, dikawasan Rumah Sakit, Bandar Brunei; 21 May, Kampong Pekan Lama (Rumah Pengiran Ahmad Badar); 22 May, Kampong Ujong Bukit (Rumah Talib bin Kapal); 24 May, Kampong Bunut (Ketua Awang Halus bin Samad); 26 May, Dewan Pejabat Penerangan, Bandar Brunei; 28 May, dibelakang Pejabat2 Kerajaan, Bandar Brunei dan pada malam 30 May di Penjara Jerudong, Brunei.

DAERAH2 KUALA BELAIT DAN SERIA : 1 May, Sekolah Melayu, Kuala Balai (Penghulu M. Noor); 2 May, kawasan Rest House, Labi (Orang Kaya M. Daud); 3 May, Sekolah Melayu, Rempayoh, Labi (Ketua Bawin); 4 May, Kampong Ratan, Labi (Penulong Penghulu Abang Razali); 5 May, Bukit Puan (Untuk Anggota2 Pejabat Kerja Raya); 7 May, Padang Kechil, Kuala Belait (Untuk orang2 ramai); 8 May, Field Force, Kuala Belait; 9 May, Pejabat Kerajaan Seria (Untuk orang2 ramai); 10 May, Sekolah China, Kuala Belait (Untuk kanak2 Sekolah); 11 May, Sekolah China, Seria (Untuk kanak2 Sekolah); 16 May, Sekolah Melayu, Tumpuan Telisai, Belait; 17 May, Sekolah Melayu, Sungai Liang (Orang Kaya Rimba); 18 May, Kampong Sungai Lumut (Ketua Anak Adom); 21 May, Sungai Taraban, Jalan Miri (Bahagian Belait); 22 May, Sekolah Melayu, Bukit Sawat (Che' Gu M. Sa'id); 23 May, Sekolah Melayu, Sukang (Dato' Maharaja Setia Dian bin Kapal); 24 May, Kampong Malilas (Ketua Kana); dan pada malam 26 May dikawasan Balai Police, Kuala Belait (Untuk Anggota2 Pasokan Police).

PERTANDINGAN SUKAN "TIGA SERINGKAI"

Satu pertandingan sukan yang menarek hati telah dilansongkan di Padang Baru, Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 28 April, 1956 dalam mana lebeh daripada 30 orang ahli2 sukan yang terkenal, terdiri dari pasukan2 Brunei Town Athletic Club; Pasukan Police Bandar Brunei; dan Sultan Omar Ali Saifuddin College telah mengambil bahagian.

Pasukan Brunei Town Athletic Club telah menjadi Johan dengan memperoleh sebanyak 84 mata, diturut oleh Sultan Omar Ali Saifuddin College yang telah mendapat sebanyak 26 mata dan Pasukan Police sebanyak 15 Mata.

Mr. E.R. Bevington, Yang Dipertua Pertubohan tersebut telah menyampaikan hadiah. Terlebeh dahulu beliau telah menguchapkan tahniah kepada pasukan yang telah menang dan juga memuji kesemua orang yang telah turut bertanding dan begitu juga beliau telah menguchapkan terima kaseh kepada segala pihak yang telah berusaha untuk menjayakan temasha tersebut.